

e-Rencana

SUKAN FUTSAL SEMASA PANDEMIK COVID19

Mohd Khairul Akmal & Mohamad Nizam Nazarudin
Fakulti Psikologi & Pendidikan
Universiti Malysi Sabah

Futsal adalah permainan bola yang dimainkan oleh dua pasukan dimana ianya dianggotai oleh lima orang pemain. Masa perlawanan futsal juga singkat berbanding bola sepak iaitu 20 minit setiap separuh masa. Sukan futsal ini dipopularkan di Montevideo, Uruguay pada tahun 1930 oleh Juan Carlos Ceriani. Di Malaysia, unit futsal ditubuhkan oleh Jey Singh Mutthiah pada tahun 2000. Sejak dari itu, sukan futsal terus berkembang di Malaysia dengan banyak gelanggang futsal yang dibina untuk tujuan riadah dan untuk mengisi masa lapang khususnya bagi golongan muda. Namun kini, akibat daripada virus covid-19 yang melanda seluruh dunia. Ianya telah memberi kesan yang buruk bukan sahaja kepada golongan atlet professional tapi kepada peminat sukan futsal juga.

Antara kesan dari covid 19 ialah skuad negara tidak dapat menjalani latihan kira-kira dalam tempoh 9 bulan akibat daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi membendung covid 19 dari terus merebak. Hal ini diungkapkan oleh Ketua jurulatih futsal negara Chiew Chun Yong tetapi beliau komited untuk mengadakan kejohanan berskala kecil bagi memastikan pemain dapat mempamerkan prestasi masing-masing. Selain itu, pertandingan Kejuaraan Futsal Persekutuan Bolasepak Asia Tenggara (AFF) dan Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) terpaksa ditangguhkan ke tahun depan akibat dari covid 19 ini. Bagi dalam negara pula, kejohanan Malaysia Premier Futsal League (MPFL) telah dibatalkan pada tahun ini. Namun, terdapat berita baik bagi para atlet profesional iaitu, Football Association of Malaysia (FAM) dan Malaysian Football League (MFL) telah bersetuju untuk menganjurkan kejohanan “President’s Cup” dan “Youth Cup”. FAM juga bersetuju untuk menganjurkan umur peserta dari bawah 21 tahun kepada 22 tahun kebawah. Ini sekaligus dapat memberikan peluang kepada semua pasukan untuk dapat mengekalkan pemain yang sedia ada.

Pada 19 Oktober yang lalu, kerajaan membenarkan pusat futsal beroperasi. Namun, pemain futsal perlulah mematuhi Prosuder Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Namun kini pelaksanaan PKP kali kedua menyebabkan penutupan semula semua kemudahan sukan. Antara Prosuder Operasi Standard (SOP) ialah adalah seperti berikut:

- Pematuhan SOP Sektor Sukan & Rekreasi:
 - Gunakan Mysejahtera
 - Memakai face mask sebelum dan selepas aktiviti
 - Pastikan aktiviti dilakukan di kawasan yang tidak terlalu ramai orang
 - Langkah kebersihan sebelum, semasa dan selepas menjalankan aktiviti.
 - Dilarang meludah.
 - Pastikan peralatan yang dikongsi dibersihkan dan dinyahkuman.
 - Pastikan meninggalkan premis secepat mungkin selepas aktiviti latihan.
 - Pastikan tidak bersalaman.

- Kebenaran untuk orang awam adalah terhad bagi aktiviti latihan yang tidak melibatkan sentuhan fizikal dan maksimum 10 orang sahaja.

Walaupun arena futsal telah dibuka. Namun, ianya tidaklah seriuh seperti dahulu. Hal ini kerana kita tahu penyakit covid 19 ini adalah penyakit yang mudah berjangkit jika kita di kawasan yang sesak. Jadi, kerajaan memutuskan untuk meneruskan pertandingan yang tertunda tetapi ianya tidak boleh dihadiri oleh para penyokong.

Bukan sahaja Malaysia yang mengambil inisiatif untuk menanggukkan segala kejohanan yang ada. Namun, negara lain juga turut serta seperti Indonesia (University league), Belgium, Vietnam dan lain-lain. Antara garis panduan yang dikeluarkan oleh Scotland dalam membenarkan aktiviti futsal dijalankan di negara mereka adalah lebih kurang sama seperti sop di Malaysia. Iaitu:

Indoor

- Kanak-kanak berumur 11 tahun mestilah menjaga jarak dan kontak adalah dilimitkan.
- Jurulatih mestilah sentiasa memakai mask ketika latihan.
-

Outdoor

- Kanak-kanak berusia 12-17 tahun boleh menjaga jarak yang dibenarkan untuk bersentuhan sewaktu beraktiviti dibawah penjagaan dan segala garis panduan penjarakan fizikal ketika ini tidak terpakai. Namun, garis panduan tersebut wajib dipatuhi sebelum dan selepas sesi tersebut.
- Jurulatih dan golongan dewasa yang lain hendaklah mengekalkan jarak sebaik mungkin.
- Para ibubapa dibenarkan untuk menonton dari jarak yang jauh dan diluar perimeter pagar. Tolong pastikan bahawa anda tidak berkumpul beramai-ramai dengan para penonton yang turut hadir.

Selepas Latihan

- Para ibubapa yang datang untuk mengambil anak-anak dinasihatkan agar sentiasa berwaspada dan lebih peka dengan garis panduan mengenai berkumpul dan mengekalkan penjarakan sosial.
- Pemain hendaklah keluar dari padang mengikut pintu keluar yang bertentangan dengan pintu utama bagi mengelakkan bersentuhan dengan kumpulan-kumpulan lain.
- Kanak-kanak berusia 12 tahun ke atas hendaklah mematuhi garis panduan penjarakan sosial.
- Langkah perjalanan pulang ke rumah adalah sama seperti ketika hendak datang ke tempat latihan
- Basuh tangan dan peralatan apabila sampai di rumah

Mereka juga menasihatkan agar sentiasa menyuci tangan selepas habis melakukan aktiviti, membawa “hand sanitizer”, sentiasa mengikuti garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan dan memakai mask di luar padang.

Rujukan

Asrol Awang (2020). Cabaran besar bentuk kembali skuad futsal kebangsaan. Diambil dari <https://www.bharian.com.my/sukan/bola/2020/09/734474/cabaran-besar-bentuk-kembali-skuad-futsal-kebangsaan>

Covid-19 Guidelines - Futsal Escocia | Futsal Scotland | Futsal Training Scotland. (2020). Diambil dari <https://www.futsalescocia.co.uk/covid-19-guidelines/>

Seng Foo. June (2020). Coronavirus: Malaysia Premier Futsal League cancelled due to COVID-19. Diambil dari <https://stadiumastro.com/sports/futsal/article/coronavirus-malaysia-premier-futsal-league-cancelled-due-to-covid-19/168630>

<http://www.kbs.gov.my/ringkasan-sop-sukan-rekreasi.html?download=1109:pembukaan-sektor-sukan-dan-rekreasi-fasa-2-kementerian-belia-sukan>

<http://covid-19.moh.gov.my/faqsop/sop-pkp-pemulihan/04SOP-PKPB-KLPUTRAJAYA-DAN-SELANGOR-Kemaskini-3-NOVEMBER-2020.pdf>